



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN  
**MEMERANGI MASALAH**  
**BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN**  
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA  
**2023-2030**







KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN  
**MEMERANGI MASALAH**  
**BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN**  
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA

**2023-2030**

**PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN  
MEMERANGI MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN DALAM  
KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA, 2023-2030**

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:  
Pengarah  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 1, Blok E3, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya, MALAYSIA  
<http://hq.moh.my/nutrition>  
Tel: 03-8892 4556

Untuk rujukan bahan berkaitan Pelan Strategik Kebangsaan  
Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam  
Kalangan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030,  
sila imbas kod QR ini:



ISBN: 978-629-98763-5-9

Cetakan Pertama 2023

©Kementerian Kesihatan Malaysia

**Hak Cipta Terpelihara.**

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Permohonan kebenaran tersebut hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.



# KANDUNGAN

|    |                                                                                                                          |    |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1  | Perutusan Timbalan Perdana Menteri                                                                                       | 1  |
| 2  | Perutusan Menteri Kesihatan Malaysia                                                                                     | 2  |
| 3  | Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia                                                                         | 3  |
| 4  | Latar Belakang                                                                                                           | 4  |
| 5  | Kenyataan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0                                                                        | 8  |
| 6  | Pengenalan Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak 2023-2030 | 9  |
| 7  | Objektif Pelan Strategik Kebangsaan                                                                                      | 11 |
| 8  | Kumpulan Sasar Pelan Strategik Kebangsaan                                                                                | 12 |
| 9  | Kerangka Pelan Strategik Kebangsaan                                                                                      | 13 |
| 10 | Pelan Strategik Kebangsaan                                                                                               | 14 |

## STRATEGI 1

Pengukuhan Tadbir Urus Kesejahteraan Pemakanan Melalui Perundangan, Komitmen Politik Dan Pemegang Taruh

## STRATEGI 2

Peningkatan Kualiti Dan Akses Perkhidmatan Pemakanan Untuk Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Kanak-Kanak

14

22





### STRATEGI 3

27

Pemantapan Persekitaran Dan Masyarakat Yang Kondusif Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Pemakanan Kanak-Kanak

### STRATEGI 4

31

Memperkasakan Pembangunan Kapasiti Dan Modal Insan Ke Arah Kesejahteraan Pemakanan Kanak-Kanak

### STRATEGI 5

34

Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak

- |    |                                                                                                              |    |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 11 | Struktur Tadbir urus                                                                                         | 37 |
| 12 | Terma rujukan Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak     | 38 |
| 13 | Terma rujukan Jawatankuasa Teknikal Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak | 40 |
| 14 | Pemantauan & Penilaian                                                                                       | 41 |
| 15 | Sekalung Penghargaan                                                                                         | 42 |
| 16 | Rujukan                                                                                                      | 43 |

## *Perutusan*

**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Masalah beban berganda malpemakanan kanak-kanak khususnya dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun dan kanak-kanak di institusi pendidikan seperti kanak-kanak prasekolah, murid sekolah rendah dan sekolah menengah merupakan masalah kesihatan awam yang perlu ditangani segera. Kanak-kanak yang mengalami masalah malpemakanan ini berisiko tinggi untuk menghidap masalah penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan apabila dewasa kelak.

Dalam hal ini, masalah malpemakanan ini akan menjadi antara faktor penghalang utama kepada pembentukan dan pembangunan pelapis generasi Malaysia yang berdaya saing, sihat, cerdas dan cergas. Bagi tujuan tersebut, Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak Malaysia 2023-2030 telah dibangunkan dengan memberi keutamaan kepada mengukuhkan tadbir urus kesejahteraan pemakanan melalui perundangan, komitmen politik dan pihak berkepentingan, meningkatkan kualiti dan akses perkhidmatan pemakanan, pemantapan persekitaran dan masyarakat yang kondusif. Selain itu, usaha memperkasakan pembangunan kapasiti dan modal insan ke arah kesejahteraan pemakanan kanak-kanak serta sinergi advokasi pemakanan kanak-kanak juga turut diberi penekanan. Pelan strategik ini akan menjadi panduan kepada semua kementerian dan agensi bagi memastikan gerak kerja dan komitmen memerangi masalah beban berganda malpemakanan dapat dilaksanakan secara bersepadu dan efektif.

Saya percaya dengan strategi dan kerjasama yang matap dan komprehensif merentasi kementerian, kita berupaya untuk memerangi masalah beban berganda dengan lebih cekap dan berkesan. Besarlah harapan saya agar pelan strategik ini dapat dilaksana dan direalisasikan ke arah membina negara dan rakyat Malaysia bermula di peringkat awal usia.

A stylized white signature of Ahmad Zahid bin Hamidi on a blue background.

**AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

## Perutusan

### YB MENTERI KESIHATAN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin untuk memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti bagi memastikan tahap kesihatan rakyat berada pada tahap yang optimum. Ini termasuk memastikan taraf pemakanan rakyat berada pada tahap yang terbaik.

Dengan peningkatan prevalen masalah beban berganda malpemakanan, pihak KKM telah melaksanakan transformasi yang lebih agresif dan holistik melalui Pelan Strategik Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak Malaysia 2023-2030. Lima (5) strategi utama telah digariskan dengan 31 inisiatif yang melibatkan semua kementerian/ agensi yang berkaitan. Penekanan inisiatif yang berbentuk pengukuhan instrumen dasar, pencegahan dan intervensi diintegrasikan ke dalam Pelan agar pelaksanaannya lebih inklusif. Pelan ini menyasarkan impak kepada kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun dengan membabitkan individu, keluarga dan komuniti, termasuk golongan rentan. Pelan ini turut memberi penekanan dalam 1,000 hari pertama kehidupan yang merupakan tempoh masa yang paling kritikal dalam perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak. Selain itu, pembentukkan pelan juga selari dengan hala tuju matlamat Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM 2.0), Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III, 2016-2025, *Global Nutrition Targets* (GNTs) dan *Sustainable Development Goals* (SDGs), 2030.

Saya percaya dengan usaha bersepadu daripada kementerian dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan akan membantu menyelesaikan masalah dan cabaran yang sedang dihadapi. Kejayaan kita semua dalam memerangi masalah beban berganda malpemakanan dalam melahirkan generasi Malaysia yang sejahtera.

**DZULKEFLY BIN AHMAD**



## *Kata Alu-aluan*

**KETUA PENGARAH KESIHATAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Masalah beban berganda malpemakanan (BBM) terutama dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun di Malaysia menunjukkan tren yang meningkat sejak 2015. Masalah ini memerlukan keutamaan yang serius dan ditangani segera. Dalam konteks pertumbuhan dan kesihatan kanak-kanak, masalah BBM akan memberi impak negatif kepada perkembangan psikomotor, psikologi, *Intelligence Quotient*, *Emotional Quotient* dan *Social Quotient* kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengalami berlebihan berat badan atau obesiti di peringkat awal usia adalah lebih berisiko untuk mendapat obesiti dan menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes dan tekanan darah tinggi apabila mereka dewasa kelak.

Kita perlu sedar bahawa masalah BBM dalam kalangan kanak-kanak bukan hanya dipengaruhi oleh perkhidmatan kesihatan yang diberikan, tetapi juga turut dipengaruhi oleh gaya hidup, ketahanan terhadap jangkitan penyakit, status ekonomi dan sosial, tahap pendidikan ibu bapa atau penjaga, serta persekitaran mereka. Usaha yang dilakukan oleh pihak KKM sahaja adalah tidak mencukupi. Justeru, masalah BBM ini hanya dapat diperangi secara berkesan dengan penggabungan pengetahuan dan tenaga daripada pelbagai pihak untuk membuat strategi perubahan. Kerjasama daripada semua pihak kementerian dan agensi diperlukan untuk menangani masalah ini secara holistik.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam pembentukan pelan strategik kebangsaan ini ke arah melahirkan generasi Malaysia yang berdaya saing, tinggi, sihat, cergas dan cerdas.

**MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**



# LATAR BELAKANG

## PENGENALAN

Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030 (Pelan BBM) ini memberi fokus kepada usaha memperkukuhkan strategi, inisiatif dan aktiviti sedia ada di samping memperkenalkan inisiatif baharu yang berimpak selari dengan hala tuju kerajaan dan global.

Pelan BBM akan memberikan penekanan khusus kepada lima (5) teras strategi yang merangkumi 31 inisiatif utama yang dijangka berupaya mencegah dan mengawal masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak.

Pelan BBM menggariskan satu rangka kerja yang dinamik dan selari dengan misi Dasar Pemakanan Negara 2.0 dan Rancangan Malaysia Ke-12 melalui Bidang Keutamaan B: Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan.

## DEFINISI KANAK-KANAK

Mengikut Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun.


## DEFINISI BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN

Satu keadaan di mana individu, keluarga atau komuniti menghadapi masalah kekurangan dan berlebihan pemakanan pada masa yang sama. Kekurangan pemakanan seperti bantut, susut, kurang berat badan dan kekurangan mikronutrien (anemia, IDD). Berlebihan pemakanan seperti obesiti dan penyakit tidak berjangkit (NCD) berkaitan pemakanan.



# MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN (BBM)




Suatu keadaan pemakanan di mana individu, keluarga, komuniti dan negara menghadapi **masalah kekurangan** dan **berlebihan pemakanan** pada masa yang sama



## STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK



## AMALAN PEMAKANAN KANAK-KANAK



Sumber:

(1) Tinjauan Kesehatan dan Morbiditi Kebangsaan, 2022

(2) Tinjauan Kesehatan dan Morbiditi Kebangsaan, 2017

(3) Tinjauan Kesehatan dan Morbiditi Kebangsaan, 2019

(4) Tinjauan Kesehatan dan Morbiditi Kebangsaan, 2017



# IMPAK MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN DAN KOS RAWATAN



Kanak-kanak



Dewasa

**Berisiko tinggi** menghadapi masalah penyakit tidak berjangkit (NCD) berkaitan pemakanan



Pembiayaan rawatan yang **amat tinggi** kepada individu dan keluarga



## TAHUN 2011

Kos rawatan diabetes kepada kerajaan **RM2.04 billion** setahun

Kos rawatan komplikasi diabetes:

**RM42,000** - buah pinggang

**RM5,500** - foot amputation

**RM5,000** - katarak

**RM5,000** - strok

Angka akan bertambah dari tahun ke tahun selari peningkatan NCD.

Sumber: M Feisul et. al, 2017



## TAHUN 2017

Kos rawatan diabetes kepada kerajaan **RM4.38 billion** setahun

Kos rawatan CVD

(seperti hipertensi, sakit jantung)

- **RM3.93 billion**

Kos rawatan kanser - **RM 1.3 billion**

Jumlah Keseluruhan

Kos penjagaan kesihatan NCD

**RM9.65 billion**

Sumber: *The Direct Health-Care Cost in Malaysia of Non-Communicable Diseases in Malaysia* (MOH, 2022)



## KENYATAAN DASAR PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA 2.0

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia beriltizam untuk mencapai, meningkatkan dan mengekalkan kesejahteraan rakyat. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan status pemakanan dan memperkukuhkan sekuriti makanan dan pemakanan. Ia juga menyokong dan meningkatkan sistem makanan yang lestari bagi pemakanan yang sihat untuk masyarakat. Dasar ini akan menyepadukan, menggembelng tenaga dan megerakkan strategi-strategi makanan dan pemakanan yang efektif melibatkan pelbagai pemegang taruh yang merentasi semua sektor.

### VISI

Kesejahteraan Pemakanan Untuk Bangsa Yang Sihat

### MISI



#### MENGURANGKAN BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN

Dalam kalangan penduduk.



#### MEMPERTINGKATKAN SEKURITI MAKANAN DAN PEMAKANAN

Mempertingkatkan sekuriti makanan dan pemakanan melalui sistem makanan yang mampan.



#### MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA PELBAGAI SEKTOR

Memperkukuhkan kerjasama dan perkongsian pelbagai sektor dalam melaksanakan strategi serta program yang spesifik serta sensitif dengan pemakanan.

# PROGRAM PEMAKANAN

## KANAK-KANAK DI MALAYSIA



Program Penyusuan  
Susu Ibu



Pemakanan Bayi  
dan Kanak-kanak  
Kecil



Tata Etika Pemasaran  
Makanan Bayi dan  
Produk Berkaitan



Program *Community  
Feeding* (PCF)



Program Pemulihan  
Kanak-kanak Kekurangan  
Zat Makanan (PPKZM)



Program  
Menangani Masalah  
Bantut Dalam  
Kalangan Kanak-kanak



Latihan Modul  
Penyediaan Makanan  
di TASKA/ TABIKA/  
Prasekolah kepada  
penyedia makanan



Advokasi pemakanan  
sihat dan pertumbuhan  
kanak-kanak kepada  
pengusaha/ pengajar  
serta ibubapa.



Pembentukan  
dan pemantauan  
menu TASKA



Penglibatan ibubapa/  
penjaga dalam  
aktiviti pemakanan  
sihat di TASKA



Pelaksanaan Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS)



Pembentukan dan pemantauan menu prasekolah/ Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT)/ asrama



Pemantauan Penjualan Makanan & Minuman di Kantin Sekolah



Program Susu Sekolah



Sokongan Polisi Persekitaran (cth: Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah)



Inisiatif Pemerkasaan PIBG bagi Menangani Masalah Obesiti di Kalangan Murid Sekolah melalui Program Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT)



Input teknikal kesihatan dan pemakanan bagi kurikulum sekolah



Penglibatan ibu bapa/ penjaga dalam aktiviti pemakanan sihat di prasekolah



Advokasi Pemakanan Sihat di Sekolah



# OBJEKTIF PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN

## OBJEKTIF UMUM

Untuk mengurangkan prevalen beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia



### ◆ OBJEKTIF

1

Untuk mengurangkan prevalen bantut dan susut dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia

### ◆ OBJEKTIF

2

Untuk mengekalkan/ mengurangkan prevalen berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia


### ◆ OBJEKTIF

3

Meningkatkan kualiti amalan pemakanan dalam kalangan kanak-kanak termasuk kepelbagaian dan kekerapan pengambilan makanan

# KUMPULAN SASAR

MEMERANGI MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA, 2023-2030



WANITA UMUR REPRODUKTIF  
(15 - 49 TAHUN)

KANAK-KANAK (0 - 18 TAHUN)

SEKOLAH  
MENENGAH

IPT

IBU  
HAMIL

KANAK-KANAK  
BAWAH  
5 TAHUN

KANAK-KANAK  
PRA SEKOLAH/  
SEKOLAH RENDAH

SEKOLAH  
MENENGAH

KUMPULAN RENTAN

ORANG ASLI | MISKIN & MISKIN TEGAR | REMAJA HAMIL | IBU TUNGGAL



# KERANGKA PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN

MEMERANGI MASALAH BEBAN BERGANDA MALPEMAKANAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA, 2023-2030



# PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN

## STRATEGI

1

Penguksuhan tadbir urus kesejahteraan pemakanan melalui perundangan serta komitmen politik dan pemegang taruh



## 12 INISIATIF

1.1

### INISIATIF

Mewujudkan dan memperkukuhkan tadbir urus di peringkat kebangsaan dan negeri bagi memerangi masalah beban berganda malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak.

### INDIKATOR OUTPUT

1. Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak diwujudkan di peringkat kebangsaan.
2. Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak diwujudkan di peringkat negeri.

### TEMPOH PELAKSANAAN

2023-2030

2023-2030

### AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Pelaksana  
Semua Kementerian/  
Agensi yang  
menganggotai  
jawatankuasa khas



1.2

### INISIATIF

Membangunkan Akta Pemakanan Malaysia.

### INDIKATOR OUTPUT

1. Mendapatkan kelulusan dasar dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2024.
2. Mendapatkan kelulusan Rang Undang-undang Akta Pemakanan Malaysia dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2025.
3. Mendapatkan kelulusan Rang Undang-undang Akta Pemakanan Malaysia di Parlimen pada 2026.
4. Akta Pemakanan Malaysia diwartakan pada 2026/2027.

### TEMPOH PELAKSANAAN

2024 - 2027

### AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM

1.3

## INISIATIF

Memantapkan Inisiatif 1,000 Hari Pertama Kehidupan dalam kalangan ibu hamil sehingga anak berusia 2 tahun.

## INDIKATOR OUTPUT

Advokasi 1,000 Hari Pertama Kehidupan diintegrasikan dalam pelan strategik kementerian dan agensi bermula pada tahun 2024.

## TEMPOH PELAKSANAAN

2024 - 2030

## AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Pelaksana  
Semua kementerian dan agensi

1.4

Memperluaskan pelaksanaan Inisiatif *Healthy Eating Responsibility for Women* (HER) dalam kalangan wanita umur reproduktif (15-49 tahun).

1. Advokasi pelaksanaan inisiatif HER di pelbagai setting bermula pada 2023.
2. Pelaksanaan Inisiatif HER di tempat kerja melalui #HER@work, di komuniti melalui #HER@komuniti dan di Institut Pendidikan Tinggi #HER@IPT bermula pada 2024.

2023 - 2030

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Peneraju Bersama  
KPWKM (LPPKN & JPW) dan KPT

1.5

**INISIATIF**

Mewajibkan pematuhan menu standard sebagai prasyarat pendaftaran/ pembaharuan lesen TASKA dan pusat jagaan di Malaysia.

**INDIKATOR OUTPUT**

1. Menu standard sebagai prasyarat pendaftaran dilaksanakan pada 2024.
2. Pematuhan menu standard sebagai prasyarat pembaharuan lesen TASKA dan pusat jagaan di Malaysia diwajibkan.

**TEMPOH PELAKSANAAN**

2024 - 2030

**AGENSI**

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Peneraju  
Bersama  
KPWKM (JKM)

1.6

## INISIATIF

Mewujudkan polisi larangan penajaan oleh syarikat pengeluar, pengedar dan pemasaran makanan dan minuman yang tidak sihat di TASKA dan institusi pendidikan kanak-kanak.

## INDIKATOR OUTPUT

1. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri melalui MJM KKM dan KPM pada 2024.
2. Polisi larangan penajaan oleh syarikat pengeluar, pengedar dan pemasaran makanan dan minuman yang tidak sihat di TASKA dan institusi pendidikan kanak-kanak diwujudkan pada 2024.

## TEMPOH PELAKSANAAN

2024 - 2025

## AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Pelaksana  
KPM, KKDW (KEMAS),  
KPN (JPNIN), KPWK (JKM)

1.7

Memperluas Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) di sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan.

1. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri melalui MJM KKM dan KPM pada 2024.
2. Pemberian RMT dan susu sekolah kepada murid sekolah B40 melalui dana kerajaan atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) pada 2024/2025.

2024 - 2030

Agensi Peneraju  
KPM

Agensi Peneraju  
Bersama  
KKM, KPN, KKDW

1.8

**INISIATIF**

Melaksanakan Program Hidangan Berkhasiat di sekolah (HiTS) di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

**INDIKATOR OUTPUT**

1. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri melalui MJM KKM dan KPM pada 2024.
2. Meningkatkan penglibatan murid daripada keluarga M40 dan T20 dalam HiTS.

**TEMPOH PELAKSANAAN**

2024 - 2030

**AGENSI**

Agensi Peneraju  
KPM

Agensi Peneraju  
Bersama  
KKM

1.9

Mewajibkan intervensi pengurusan berat badan kepada murid yang mengalami masalah berlebihan berat badan dan obes.

Peluasan intervensi pengurusan berat badan kepada murid yang mengalami masalah berlebihan berat badan dan obes dimulakan pada 2025.

2025 - 2028

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Peneraju  
Bersama  
KPM



1.10

## INISIATIF

Mewujudkan polisi larangan pengiklanan makanan dan minuman yang tinggi kandungan lemak, garam dan/atau gula yang menarik perhatian kanak-kanak.

## INDIKATOR OUTPUT

1. Pembentukan Profil Nutrien 1.0 pada 2023.
2. Melaksanakan Garis Panduan Logo Myklkan di Malaysia bagi membantu pengguna membuat pilihan makanan dan minuman dengan lebih bijak pada 2024/2025.

## TEMPOH PELAKSANAAN

2023 - 2025

## AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Peneraju  
Bersama  
KDN, Kem.Komunikasi,  
Kem. Digital

1.11

Memperluaskan Inisiatif harga borong bagi item makanan utama (konsep pasar borong) kepada semua rangkaian perniagaan berkaitan.

1. Mendapatkan kelulusan pelaksanaan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara/ Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.
2. Inisiatif harga borong bagi item makanan utama (konsep pasar borong) kepada semua rangkaian perniagaan berkaitan dilaksanakan bermula pada 2024/ 2025.

2024 - 2030

Agensi Peneraju  
KPDN

Agensi Peneraju  
Bersama  
KPKM

1.12

### INISIATIF

Mewajibkan Latihan Katering Sihat (LKS) oleh semua operator makanan sebagai prasyarat pendaftaran / pembaharuan lesen.

### INDIKATOR OUTPUT

LKS dijadikan sebagai prasyarat permohonan perlesenan/ pembaharuan lesen peniagaan makanan dan minuman diwajibkan pada 2026.

### TEMPOH PELAKSANAAN

2024 - 2026

### AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM


Agensi Peneraju  
Bersama  
KPKT

# PELAN STRATEGIK KEBANGSAAN

## STRATEGI

2

Peningkatan kualiti dan akses perkhidmatan pemakanan untuk memerangi masalah beban berganda malpemakanan kanak-kanak



## 6 INISIATIF

2.1

### INISIATIF

Mewajibkan peralatan pengukuran berat dan tinggi yang mencukupi dan memenuhi standard bagi memantau tumbesaran kanak-kanak di semua TASKA dan institusi pendidikan kanak-kanak.

### INDIKATOR OUTPUT

1. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri melalui MJM KKM dan KPM pada 2024.
2. Peralatan pengukuran berat dan tinggi yang mencukupi dan memenuhi standard di semua TASKA dan institusi pendidikan kanak-kanak (<18 tahun) pada 2024.
3. Memasukkan keperluan penyediaan peralatan pengukuran berat dan tinggi sebagai prasyarat perlesenan/ pembaharuan lesen TASKA swasta pada 2024.

### TEMPOH PELAKSANAAN

2024 - 2030

### AGENSI

Agensi Peneraju  
KKM

Agensi Peneraju  
Bersama  
KPM, KKDW (KEMAS),  
KPWKM (JKM), KPN  
(JPNN)

## 2.2

| INISIATIF                                                                                                                                               | INDIKATOR OUTPUT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | TEMPOH PELAKSANAAN | AGENSI                                                                                                                |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Mewujudkan sistem dan protokol rujukan daripada TASKA, Institusi Penjagaan Kanak-kanak dan Sekolah ke fasiliti kesihatan sama ada kerajaan atau swasta. | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem dan protokol rujukan dari TASKA, Institusi Penjagaan Kanak-kanak dan Sekolah ke fasiliti kesihatan sama ada kerajaan atau swasta diwujudkan pada 2024/2025.</li> <li>2. Sistem dan protokol rujukan dari Institusi Penjagaan Kanak-kanak dan Sekolah ke fasiliti kesihatan sama ada kerajaan atau swasta diwujudkan pada 2025 - 2027.</li> </ol> | 2024 - 2030        | <u>Agensi Peneraju KKM</u><br><br><u>Agensi Peneraju Bersama</u><br>NCDRC, KPM, KKDW (KEMAS), KPWK (JKM), KPN (JPNIN) |

## 2.3

|                                                                                              |                                                                                                        |             |                                                                                                                       |
|----------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Mewujudkan Registri Sistem Data Berpusat di peringkat kebangsaan dalam kalangan kanak-kanak. | Mewujudkan Registri Sistem Data Berpusat di peringkat kebangsaan dalam kalangan kanak-kanak pada 2028. | 2028 - 2030 | <u>Agensi Peneraju KKM</u><br><br><u>Agensi Peneraju Bersama</u><br>NCDRC, KPM, KKDW (KEMAS), KPWK (JKM), KPN (JPNIN) |
|----------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

2.4

#### INISIATIF

Mobilisasi Pasukan Bertindak Sukarelawan Bagi Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan (BBM) Dalam Kalangan Kanak-kanak.

#### INDIKATOR OUTPUT

Mobilisasi Pasukan Bertindak Sukarelawan Bagi Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak (BBM) dilaksanakan pada 2024.

#### TEMPOH PELAKSANAAN

2024 - 2030

#### AGENSI

Agensi Peneraju  
KBS

Agensi Peneraju  
Bersama  
KKM

| INISIATIF                                                                                                                                                                 | INDIKATOR OUTPUT                                                                                   | TEMPOH PELAKSANAAN | AGENSI                                                                                             |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Membangunkan Dapur Sihat Berpusat ( <i>Healthy Central Kitchen</i> ) yang menyediakan makanan berkhasiat kepada kanak-kanak di TASKA dan Institusi Penjagaan Kanak-kanak. | 1. Melaksanakan Projek Rintis Dapur Sihat Berpusat di beberapa buah TASKA terpilih pada 2024-2025. | 2023 - 2030        | <u>Agensi Peneraju KKM</u><br><br><u>Agensi Peneraju Bersama</u><br>KPM, KKDW (KEMAS), KPN (JPNIN) |
|                                                                                                                                                                           | 2. Pelaksanaan Dapur Sihat Berpusat di TASKA 2026-2030.                                            | 2026 - 2030        | <u>Agensi Peneraju KKM</u><br><br><u>Agensi Peneraju Bersama</u><br>KPM, KKDW (KEMAS), KPN (JPNIN) |



